

[Home](#) / [2026](#) / [January](#) /

UiTM Cawangan Perak Perkasa Pengurusan Sisa Makanan Melalui Program Pendidikan Komuniti Bersama MDPT

SINERGI

26/01/2026 / NAJMA AZMAN



Seri Iskandar, Perak, 14 Januari 2026 – Jawatankuasa Kampus Hijau, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar telah menganjurkan satu program pendidikan komuniti berkaitan pengurusan sisa makanan dengan kerjasama Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT). Program ini melibatkan penyertaan penggerai makanan di UiTM Cawangan Perak sebagai usaha

memperkukuh amalan pengurusan sisa makanan secara lestari di peringkat kampus dan komuniti.

Penganjuran program ini bertujuan meningkatkan kesedaran penggerai makanan terhadap kepentingan pengurusan sisa makanan yang sistematik, selain memperkenalkan penggunaan larva *Black Soldier Fly* (BSF) sebagai kaedah alternatif mesra alam dalam mengurangkan sisa organik. Seramai 30 orang peserta telah terlibat dalam program ini dengan sokongan dan kolaborasi Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pelesenan, MDPT bagi memastikan pelaksanaan inisiatif ini dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan.

Sepanjang program berlangsung, para peserta telah diberikan pendedahan berkaitan impak sisa makanan terhadap alam sekitar, konsep asas Projek BSF serta peranan setiap pihak dalam proses pengasingan dan pengumpulan sisa makanan. Pihak MDPT turut berkongsi pandangan serta sokongan dari aspek pemantauan dan amalan terbaik dalam pengurusan sisa pepejal. Penglibatan aktif penggerai makanan UiTM Cawangan Perak jelas mencerminkan komitmen mereka dalam menyokong agenda kelestarian kampus.

Sesi soal jawab yang diadakan turut membuka ruang perbincangan dua hala berhubung cabaran yang dihadapi dalam pengurusan sisa makanan harian, di samping cadangan penambahbaikan berdasarkan pengalaman sebenar penggerai. Menurut penganjur, pelaksanaan Projek BSF ini selari dengan agenda pembangunan lestari dan usaha mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan sisa.

Secara keseluruhannya, program ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada amalan pengurusan sisa makanan yang lebih mampan di UiTM Cawangan Perak, sekali gus menyumbang kepada kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan warga kampus dan komuniti setempat.



Tags: [Black Soldier Fly](#), [Majlis Daerah Perak Tengah \(MDPT\)](#),
[UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Pelajar FSK UiTM Anjur Program
Komuniti Inklusif Bersama TT
Organics di Negeri Sembilan

UiTM Kampus Dengkil Anjur Program
Komuniti Inovasi STEM di Kolej
MARA Seremban

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)

[Academic Calendar](#)

[Intake Calendar](#)

[Graduate Quick Search](#)

[Library](#)

[UiTM Holdings](#)

[WiFi UiTM](#)

[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA

(UiTM)

40450 Shah Alam, Selangor

Darul Ehsan

Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

